WIKIPEDIA

Pi

Simbol **Pi**, π

Pi atau **pai**, satu pemalar matematik π ≈ 3.14159... ialah nisbah ukur lilit sebuah bulatan kepada diameternya dalam ruang Euclid, dan sering digunakan dalam matematik, fizik dan kejuruteraan. Ia juga dikenali sebagai **pemalar Archimedes** (bukan nombor Archimedes) dan **nombor Ludolph**.

Pi merupakan nombor nyata, dengan nilai (dengan 8 tempat perpuluhan di sini) **3.14159265**. Kadang-kadang nilai pecahan **22/7** digunakan sebagai penghampiran untuknya.

Beberapa rumus mudah yang membabitkan π :

- Lilitan, *p* suatu bulatan berjejari, *r*

$$p = 2\pi r$$

- Luas, *l* suatu bulatan berjejari, *r*

$$l = \pi r^2$$

- Luas permukaan, *l* suatu sfera berjejari, *r*

$$l = 4\pi r^2$$

- Isipadu suatu sfera berjejari, *r*

$$\text{Isipadu} = \frac{4\pi r^3}{3}$$

Nilai sesuatu sudut boleh diukur dengan nisbah di antara bahagian lilitan bulatan yang dirangkuminya kepada jejari bulatan tersebut, yang disebut sebagai unit radian (simbol *rad*). Oleh itu sudut 180^o adalah bersamaan π rad.

Lihat juga

- Geometri
- Trigonometri

Jika diameter bulatan ialah 1 unit, maka ukur lilitnya ialah π unit.

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Pi&oldid=3598358"

Laman ini kali terakhir disunting pada 21:09, 6 April 2015.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.